

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT  
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA  
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH  
MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL  
PROGRAM JANGKA PENDEK (ASY-SYIFA & AL-HIKMAH)  
PUSAT PEMBANGUNAN BELIA SESI 2009/2010**

**20 SAFAR 1432H / 25 JANUARI 2011M  
JAM : 2.30 PETANG**

**DEWAN BINADIRI,  
PUSAT PEMBANGUNAN BELIA,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.**

Bismillah Hirahman Nirrahim,

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-  
Asyarafil Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi  
Wasahbihi Ajma'in

Yang Mulia

Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh

Pemangku Ketua Pusat Pembangunan Belia

selaku Pengerusi Majlis.

Yang Mulia

Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar,

Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Mulia

Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato  
Paduka Haji Hashim,

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia  
dan Sukan.

Yang Mulia

Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ahli Lembaga Penasihat Pusat Pembangunan Belia dan Rakan Strategik Pusat Pembangunan Belia.

Para Pegawai dan Kakitangan Pusat Pembangunan Belia, Para Pelatih dan Lulusan Pelatih Pusat Pembangunan Belia serta Para Ibu Bapa dan Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Dan Selamat petang

Alhamdulillah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Penyampaian Sijil Program Jangka Pendek Pusat Pembangunan Belia sesi 2009/2010 pada petang ini.

Dalam kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para lulusan pelatih Program Jangka Pendek Pusat Pembangunan Belia sesi 2009/2010 yang akan menerima sijil pada petang ini, di atas kejayaan abiskita semua dalam mengikuti Program tersebut.

Mengikut statistik dari tahun 2005 hingga 2009 peserta yang mengikuti Program Asy Syifa, sebanyak 84 orang telah berjaya menjalankan kursus berkenaan. Dari statistik tersebut, 9 orang berjaya mendapatkan kerja di sektor kerajaan, 19 orang berkerja di sektor swasta, 15 orang berkecimpung dalam perniagaan manakala 41 orang tidak dapat dihubungi atau belum bekerja.

Manakala bagi Program Al-Hikmah yang bermula dari tahun 2007 hingga 2009, sebanyak 43 orang telah mengikuti program berkenaan. Dari statistik tersebut, sebanyak 4 orang berjaya mendapat pekerjaan di sektor kerajaan, 2 orang di sektor swasta, 1 orang berkecimpung dalam perniagaan, 7 orang melanjutkan pelajaran manakala 29 orang masih belum bekerja dan tidak dapat dihubungi.

Dari statistik tersebut, ternyata Pusat Pembangunan Belia berperanan kearah menangani sebahagian daripada isu sosial yang berkaitan dengan kemiskinan dan membolehkan peserta peserta untuk mempunyai peluang pekerjaan dalam memberikan latihan kemahiran kepada para belia.

Walaupun bagaimanapun usaha usaha maseh perlu diambil kearah memastikan lepasan pelatih yang telah tamat mengikuti kursus ringkas di pusat pembangunan belia akan mendapatkan peluang perkerjaan ataupun memulakan perusahaan sendiri sebaik baik saja menamatkan kursus. Sehubungan dengan ini Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan sedang merancang strategi untuk membantu lepasan lepasan daripada Pusat Pembangunan Belia bagi mendapatkan pekerjaan atau memulakan perniagaan.

Kita perlu sedar bahawa masa depan negara adalah banyak bergantung kepada golongan belia. Belia belia yang mantap dan cemerlang akan menghasilkan negara yang stabil dan membangun. Oleh sebab itu, para belia perlu dibekalkan dengan kepelbagaian ilmu dan kemahiran, semangat jati diri serta aqidah yang mantap. Semua elemen-elemen ini akan menjadikan para belia teguh, berani, berketrampilan dan berjiwa besar yang akan menjadi paksi dan landasan kepada perubahan dan pembangunan negara yang bermanfaat dan berdaya tahan.

**Hadirin yang dihormati Sekalian.**

Slogan 'Belia Cemerlang' seperti yang termaktub dalam Dasar Belia Negara adalah merupakan wadah yang perlu dipikul bersama . Untuk mewujudkan belia cemerlang adalah memerlukan penglibatan semua pihak, termasuk individu, keluarga dan juga masyarakat. Tambahan pula, kesan kederasan arus globalisasi masa kini, telah menimbulkan pelbagai cabaran serta hambatan dalam usaha mewujudkan belia cemerlang itu. Ini termasuklah cabaran-cabaran dalam bidang pendidikan dan pekerjaan.

Pada hemat saya, untuk seseorang belia mencapai kecemerlangan dan kesempurnaan kususny membebaskan diri daripada kemiskinan didalam kehidupan perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran mengikut keupayaan masing-masing. Para belia tidak ada pilihan lain kecuali sentiasa berusaha meningkatkan kebolehan dan kemahiran mereka. Hanya dengan cara ini sahaja seseorang dapat diharapkan untuk menjadi belia yang cemerlang dan menyumbang secara positif kepada pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara.

**Hadirin yang di hormati Sekalian.**

Saya percaya dengan berbekalkan ilmu latihan kemahiran yang diperolehi hasil mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri di Pusat Pembangunan Belia serta Program Penempatan Kerja samada di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta selama satu tahun akan berupaya dalam menghadapi cabaran-cabaran untuk mendapatkan perkerjaan dan menceburi bidang perniagaan dan perusahaan.

Apa yang penting agar para belia itu sendiri akan terus melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan lagi semangat ingin maju dan bertanggungjawab dalam semua bidang kehidupan yang diceburi oleh mereka di masa hadapan.

Sehubungan dengan ini, sepertimana yang telah pernah disarankan dikesempatan ini saya ingin mengulangi pada menekankan kepada pihak pengurusan Pusat Pembangunan Belia untuk sentiasa menilai dan mengkaji pada meningkatkan lagi mutu pencapaian program kursus singkat yang dilaksanakan untuk memastikan latihan-latihan kepada belia-belia adalah relevan mengikut keperluan pasaran kerja yang ada pada sekarang.

Kepada para pelatih yang akan menerima sijil mereka pada hari ini, saya sukacita ingin menasihatkan supaya abiskita semua akan terus meningkatkan keyakinan diri dan berusaha untuk meningkatkan kemahiran diri. Ini kerana keperluan untuk memasuki pasaran kerja pada masa ini semakin meningkat dan kompetitif. Oleh itu, saya menyeru kepada para belia untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengalaman di samping peka dengan persekitaran pasaran pekerjaan dari semasa-kesemasa.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para lepasan pelatih yang akan menerima sijil mereka pada petang ini. Kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Penyampaian Sijil Program Jangka Pendek sesi 2009/2010 tidak lupa diucapkan terima kasih kerana telah berusaha dalam mengunggayahkan majlis ini dan semoga jasa bakti yang ikhlas daripada semua akan dapat ganjaran yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala Amin Ya Rabbil Alamin.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.